

TYSTATIN ORAL SUSPENSION®

Nystatin (100,000 unit setiap ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Tystatin
2. Bagaimana Tystatin berfungsi
3. Sebelum menggunakan Tystatin
4. Cara menggunakan Tystatin
5. Semasa menggunakan Tystatin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Tystatin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Tystatin

Tystatin mengandungi bahan aktif yang dikenali sebagai nystatin.

Nystatin didapati sebanyak 100,000 unit setiap mL. Ia digunakan untuk mencegah dan merawat jangkitan kulat mulut yang disebabkan oleh kulat yang dikenali sebagai Candida.

Bagaimana Tystatin berfungsi

Nystatin tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dikenali sebagai antibiotik anti-kulat. Ia berfungsi dengan mengganggu pembentukan membran sel dan dengan itu menghalang pertumbuhan kulat yang menyebabkan jangkitan.

Sebelum menggunakan Tystatin

- Bila tidak boleh menggunakan

- Pernah mengalami alahan terhadap bahan aktif nystatin, atau terhadap bahan-bahan lain dalam produk ini.

Sebelum mula menggunakan Tystatin

Beritahu doktor anda sekiranya anda:

- Alah terhadap ubat-ubatan lain, makanan, bahan pengawet atau bahan pewarna
- Mempunyai jangkitan kulat pada paru-paru atau pada kulit
- Mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusu bayi

Bincang dengan doktor sekiranya anda tidak pasti sama ada anda patut mengambil ubat ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor anda sekiranya anda sedang mengambil ubat lain, termasuk ubatan yang didapatkan tanpa preskripsi.

Anda mungkin perlu mengubah dos anda atau mengambil ubat lain.

- Semasa mengandung dan menyusu bayi

Sekiranya anda mengandung atau sedang menyusu, beranggapan anda telah mengandung, beritahu doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil ubat ini. Ia masih belum dikenalpasti sama ada nystatin boleh membahayakan bayi semasa mengandung. Ambil ubat ini sekiranya diperlukan dan diarahkan oleh doktor.

Ia masih belum dikenalpasti sama ada nystatin didapati dalam susu ibu. Tanya doktor sebelum mula mengambil ubat ini.

Cara menggunakan Tystatin

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Goncangkan botol sebelum guna, ambil jumlah yang betul dengan menggunakan penitis penyukat yang disediakan.

Ubat itu harus dikekalkan dalam mulut selama yang mungkin sebelum menelan. Individu harus mengelakkan pengambilan makanan atau minuman lebih awal daripada satu jam selepas dos. Bagi bayi dan anak-anak, gunakan separuh dos di setiap sisi mulut.

- Berapa banyak harus digunakan

Kanak-kanak dan Dewasa

Satu hingga enam ml (100,000 hingga 600,000 unit) empat kali sehari selepas makan.

Bayi

Satu ml (bersamaan dengan 100,000 unit) empat kali sehari selepas makan.

- Bila perlu digunakan

Amil ubat ini seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Jangan guna ubat ini jika penutup botol didapati rosak. Goncangkan botol sebelum guna.

- Berapa lama perlu digunakan

Tempoh rawatan bergantung kepada jangkitan yang anda alami. Individu yang

mengalami jangkitan serius mungkin memerlukan jangka rawatan yang panjang. Sekiranya anda tidak mematuhi arahan sepenuh yang diberikan oleh doktor anda, jangkitan dan simptom-simptom tersebut mungkin kembali semula.

- Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesa keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Loya dan ketidakselesaan perut mungkin berlaku dalam pengambilan yang melebihi 5 juta unit nystatin.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda, sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan lanjut mengenai penggunaan ubat ini.

Semasa menggunakan Tystatin

- Perkara yang perlu dilakukan

- Sentiasa ambil Tystatin dengan mengikut arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda tidak pasti.
- Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain termasuk ubat yang diambil tanpa preskripsi seperti suplemen atau ubat tradisional.
- Sekiranya anda akan mula mengambil ubat baru, ingatkan doktor dan ahli farmasi bahawa anda sedang mengambil Tystatin.
- Beritahu doktor atau ahli farmasi anda dengan segera sekiranya anda perasan sebarang kesan sampingan, kesan sampingan menjadi serius atau apa-apa yang menyebabkan anda berasa tidak sihat.

• Maklumkan kepada doktor anda dengan segera sekiranya anda telah mengandungi, semasa mengambil Tystatin.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan beri ubat ini kepada orang lain, walaupun mereka mengalami simptom yang sama seperti anda.
- Jangan berhenti mengambil Tystatin tanpa merujuk kepada doktor anda. Ini adalah penting untuk anda meneruskan pengambilan ubat ini walaupun anda berasa sihat.
- Jangan guna Tystatin yang telah melebihi tarikh luput yang dicetak pada kotak dan botol.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati semasa memandu atau mengendalikan mesin, sehingga anda tahu bagaimana ubat ini mempengaruhi keadaan anda.

Tystatin mungkin menyebabkan loya atau muntah. Sekiranya anda mengalami simptom-simptom tersebut, jangan memandu kereta, mengendalikan mesin, atau melakukan perkara yang mungkin membahayakan anda.

Kesan-kesan sampingan

Walaupun Tystatin agak baik diterima oleh badan pesakit, tetapi kesan-kesan sampingan yang jarang mungkin juga akan berlaku.

Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan dalam pengambilan Tystatin Oral Suspension:

- Loya, muntah, cirit-birit, perut rasa tidak selesa dan sakit perut
 - Perubahan rasan dan hilang selera makan
- Sekiranya kecederaan mulut (*mouth irritation*) berlaku, hentikan pengambilan ubat ini.

Berhenti mengambil ubat ini dan hubungi doktor anda atau hospital terdekat dengan segera jika anda mengalami mana-mana satu yang berikut:

- Keadaan kulit yang serius: gatal, ruam, bengkak pada bahagian tangan, muka, bibir atau lidah, atau kesukaran bernafas.
- Stevens-Johnson Syndrome (simptom termasuk batuk, sakit, sakit kepala, demam, muntah, cirit-birit, ruam kulit dan lepuh)

Berikut di atas adalah kesan sampingan yang serius tetapi jarang berlaku. Anda mungkin perlu perhatian perubatan yang segera.

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mendapati kesan-kesan

sampingan lain yang menyebabkan anda berasa tidak sihat. Kesan-kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan mungkin juga akan dialami oleh sesetengah orang.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web nppra.moh.gov.my (*Public -> Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*)

Cara penyimpanan dan pelupusan Tystatin

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C dalam kotak. Elakkan dibeku dan melindungi daripada cahaya.

Jangan simpan Tystatin atau ubat-ubat lain di dalam tandas, berdekatan dengan sinki atau ditinggalkan di tepi tingkap atau di dalam kereta.

Jauhi daripada kanak-kanak.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tystatin Oral Suspension ialah larutan yang berwarna kuning dengan rasa raspberi-vanilla.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan Aktif

Setiap ml mengandungi 100,000 unit nystatin.

- Bahan tidak aktif

Polyethylene glycol 1500, microcrystalline cellulose, glycerin, carboxymethylcellulose sodium, saccharin sodium, polysorbate 80, purified water, raspberry essence and vanilla flavor. Methyl paraben dan propyl paraben sebagai pengawet.

- Bungkusan

Ia dibekalkan dalam botol 12ml, 30ml dan 60ml.

- Nombor MAL

MAL20032250AZ

Pengilang

T.O Chemicals (1979) Co. Ltd.
280 Soi Sabaijai, Suthisarn Road,
Bangkok 10310, Thailand.

Pemegang Pendaftaran Produk

IMEKS Pharma Sdn. Bhd.
No. 5 & 9, Jalan Udang Harimau 2,
Medan Niaga Kepong,
51200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

05/12/2017

Nombor siri

NPRA(R4/1)051217/00341